

## **BAB LIMA :**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN.**

#### **5.1. Rumusan Kajian.**

Hasil perbincangan dalam bab-bab yang lalu, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara. Antaranya ialah pengamalan ta'liq tambahan perlu diberikan suatu ruang untuk diperbincangkan secara serius. Hal ini kerana pengamalan ta'liq berkenaan merupakan suatu keperluan kepada pasangan dalam memenuhi tuntutan mereka yang pelbagai. Tuntutan berkenaan dibuat oleh pasangan bagi mencari penyelesaian terhadap masalah yang mereka hadapi. Tuntutan berkenaan tidak dapat dipenuhi oleh ta'liq rasmi kerana penguatkuasaan ta'liq berkenaan tertumpu kepada isu yang terhad iaitu isteri ditinggalkan suami, pengabaian nafkah isteri oleh suami dan sebarang darar syarie oleh suami ke atas isteri.

Ta'liq talaq termasuk dalam masalah khilafiah. Percanggahan pandangan dalam kalangan fuqaha' berlaku kerana ketiadaan nas yang khusus mengenainya. Jumhur fuqaha' berpandangan talaq akan sabit apabila berlaku syarat yang disebutkan oleh suami ke atas isteri. Syarat yang disebutkan oleh suami perlu memenuhi kesemua syarat yang telah diletakkan oleh fuqaha' sebelum ta'liq tersebut dikuatkuasakan oleh syarak. Oleh itu, talaq akan sabit apabila berlaku pelanggaran ta'liq tambahan menurut pandangan jumhur fuqaha'. Hal ini kerana ta'liq tambahan merupakan sebahagian dari ta'liq. Kandungan ta'liq berkenaan perlu memenuhi semua syarat sah ta'liq agar ta'liq berkenaan diambilkira dan dikuatkuasakan oleh syarak.

Pengamalan ta'liq tambahan dinyatakan secara tidak langsung dalam seksyen 22 enakmen keluarga Islam di Malaysia. Peruntukkan berkenaan dapat dijadikan sandaran kepada pasangan untuk membuat ta'liq tambahan. Pasangan perlu mengetahui kandungan ta'liq rasmi sebelum membuat ta'liq berkenaan. Hal ini bagi mengelakkan pasangan dari memasukkan sebarang kandungan ta'liq rasmi ke dalam ta'liq berkenaan.

Pegawai C memperkenalkan ta'liq tambahan kepada pasangan bertujuan melindungi isteri dari pengabaian tanggungjawab suami ke atas dirinya. Hal ini kerana isteri dapat memasukkan sebarang tuntutan sebagai kandungan ta'liq berkenaan akibat pengabaian yang berlaku ke atas dirinya. Tuntutan berkenaan dinyatakan dengan jelas dalam dokumen ta'liq tambahan. Dokumen berkenaan dibuat bertujuan untuk membantu isteri membuktikan kewujudan ta'liq berkenaan di antara pasangan.

## **5.2. Cadangan.**

Pengkaji mempunyai beberapa cadangan berkaitan ta'liq tambahan agar pengamalannya dapat dikuatkuasakan dalam kalangan pasangan. Antaranya ialah pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dicadangkan mempertimbangkan pelaksanaan ta'liq tambahan dengan melakukan kajian terperinci berkaitan keperluan ta'liq berkenaan kepada pasangan.

JAKIM disarankan melantik pihak yang tertentu dalam mengendalikan permohonan ta'liq tambahan dari pasangan serta merangka prosedur yang seragam bagi mengendalikan permohonan berkenaan. Hal ini penting supaya pasangan mengetahui pihak perlu ditemui dalam membuat ta'liq berkenaan. Selain itu, prosedur yang seragam

dalam mengendalikan permohonan pasangan terhadap ta'liq berkenaan dapat membantu pihak yang terlibat. Hal ini kerana pihak berkenaan mendapat panduan dan mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan apabila berhadapan dengan permintaan berkenaan.

Pengkaji juga mencadangkan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan satu format rasmi kepada dokumen ta'liq tambahan. Hal ini bertujuan untuk memastikan format dokumen berkenaan memenuhi kehendak undang-undang supaya dapat dijadikan sebagai buki yang kukuh dan lengkap apabila isteri memfailkan aduan pelanggaran ta'liq berkenaan di mahkamah syariah. Ini bagi membantu isteri membuktikan kewujudan ta'liq berkenaan di antara pasangan kepada mahkamah.

Majlis Fatwa Kebangsaan perlu menyediakan garis panduan lengkap terhadap perkara-perkara yang boleh dimasukkan dalam ta'liq tambahan. Hal ini bertujuan mengelakkan sebarang perkara yang bertentangan dengan syarak dimasukkan dalam ta'liq berkenaan. Panduan berkenaan juga penting kepada pihak yang mengendalikan ta'liq tambahan sebagai rujukan dan panduan kepada mereka dalam menasihati pasangan berkaitan tuntutan yang mereka kemukakan.

Pengkaji turut mencadangkan agar kandungan tambahan dimasukkan dalam sijil perakuan nikah sepertimana ta'liq rasmi dicatat dalam sijil tersebut. Hal ini bertujuan memudahkan semua pihak seperti Jabatan Agama Negeri untuk merekodkan kewujudan ta'liq tambahan antara pasangan. Selain itu, cadangan berkenaan juga membantu

pasangan untuk menyimpan sijil berkekaan dan pasangan boleh membuat carian semula di pejabat agama apabila berlaku kehilangan.

Ta'liq tambahan juga dapat dijadikan sebagai satu langkah oleh pihak bertanggungjawab dalam mengurangkan pengucapan ta'liq lisan oleh suami ke atas isteri. Hal ini kerana pembentukan ta'liq berkekaan dirangka terlebih dan persetujuan bersama diperlukan sebelum suami melafazkan ta'liq berkekaan. Pelaksanaan ta'liq tambahan juga turut membantu suami memahami kandungan ta'liq berkekaan.